

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.BHG. DATO' DR. MUJAHID YUSOF
RAWA**

KAWASAN : PARIT BUNTAR

TARIKH BAHAS : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 18

YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan kempen Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik
dan apa insentif yang ditawarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Meskipun persekitaran ekonomi global pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus kekal kukuh sebagai sebuah destinasi pilihan bagi pelaburan melalui pelbagai kempen dan insiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan secara berterusan.

Antara kempen dan inisiatif yang telah dan terus dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

- (a) Memperkenalkan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensif modal, industri berintensif pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D yang selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020;
- (b) Penganjuran misi-misi pelaburan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk mempromosi dan menarik pelaburan baharu;
- (c) Penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di dalam dan luar negara;

- (d) Pembangunan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri sama ada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat ini adalah dengan penganjuran beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *suppliers' conferences*, dengan izin dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching*, dengan izin, untuk memulakan projek usahasama dengan pelabur tempatan atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak atau *contract manufacturing* dengan izin; dan
- (e) Menganjurkan program "*media engagement*", dengan izin, dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menyalurkan maklumat - maklumat terkini berkaitan pelaburan kepada pelabur - pelabur yang berpotensi.

Tuan Yang Dipertua,

Antara insentif - insentif utama yang disediakan oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan adalah:

- (a) Pengecualian cukai pendapatan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967 dalam bentuk:
 - (i) Galakan Taraf Perintis yang melibatkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 hingga 10 tahun; atau

- (ii) Elaun Cukai Pelaburan yang menawarkan pelabur-pelabur elaun sebanyak 60 hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Elaun ini boleh digunakan bagi mengurangkan sebanyak 70 hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun tahunan sehingga keseluruhan elaun tersebut selesai dituntut;
 - (iii) Galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pendapatan ini ditawarkan kepada aktiviti-aktiviti atau produk-produk yang digalakkan, antaranya yang berfokuskan kepada syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat berteknologi tinggi, industri-industri terpilih dan projek-projek strategik.
- (b) Pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengeluaran keluaran siap;
 - (c) Pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam aktiviti-aktiviti bagi sektor perkhidmatan yang terpilih;
 - (d) Kelulusan untuk jawatan-jawatan pegawai dagang, dengan izin, *expatriate posts* dalam sektor pembuatan bagi bidang-bidang di mana negara mempunyai kekurangan kemahiran tempatan;

- (e) Di samping itu, Kerajaan juga menawarkan Skim Galakan Istimewa atau *prepackaged incentive*, dengan izin. Skim ini ditawarkan untuk projek-projek sasaran yang diklasifikasikan sebagai projek berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan dan mempunyai nilai rantai yang meluas. Pelabur-pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada jenis industri yang ingin dilabur seperti industri yang strategik, bidang-bidang baharu dan berteknologi tinggi, seperti:
- (i) Sektor sumber tenaga alternatif;
 - (ii) '*Advanced electronics*' dengan izin;
 - (iii) Bioteknologi;
 - (iv) Fotonik;
 - (v) Peralatan perubatan;
 - (vi) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
 - (vii) Aeroangkasa; dan
 - (viii) Petrokimia.
- (f) Bagi meningkatkan keupayaan syarikat - syarikat tempatan untuk bersaing di peringkat serantau dan global, Kerajaan telah memperkenalkan Dana Strategik Pelaburan Domestik atau *Domestic Investment Strategic Fund (DISF)* dengan izin, berjumlah RM1 bilion dalam bentuk geran secara setara (1:1) pada tahun 2012. Untuk terus merencanakan persekitaran pelaburan domestik, dana ini akan diteruskan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Dana ini bertujuan untuk mempercepatkan peralihan syarikat - syarikat domestik kepada industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi.

- (g) Selain itu, di bawah Bajet 2015, terdapat empat insentif baharu yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan; iaitu:
- i. Insentif bagi kawasan kurang membangun bagi menggalakkan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif terutama di kawasan-kawasan kurang maju;
 - ii. Insentif bagi pengurusan kawasan perindustrian untuk menggalakkan pihak swasta menyelenggara kawasan perindustrian secara lebih sistematik;
 - iii. Elaun modal bagi peningkatan proses automasi untuk menggalakkan penggunaan automasi terutamanya bagi industri yang berintensif buruh; dan
 - iv. Insentif Hab Prinsipal untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab operasi serantau dan global yang berdaya saing.
- (h) Di bawah Bajet 2016 pula, Kerajaan juga telah memperkenalkan insentif-insentif baharu untuk terus merencanakan pelaburan-pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Terdapat dua insentif utama yang telah diperkenalkan, iaitu:
- i. Insentif bagi penubuhan Badan Pematuhan Penilaian Bebas atau *Independent Conformity Assessment Bodies (ICAB)*, dengan izin, bagi menggalakkan perkhidmatan penilaian dan pematuhan piawaian antarabangsa dilaksanakan di dalam negara; dan
 - ii. Elaun Pelaburan Semula Khas atau *Special Reinvestment Allowance (SRA)*, dengan izin, bagi menggalakkan pelaburan

semula oleh syarikat-syarikat sedia ada dalam sektor perkilangan dan pertanian terpilih, di mana Elaun Pelaburan Semula atau *Reinvestment Allowance (RA)*, dengan izin yang diberikan sebelum ini telah tamat tempohnya. Kadar tuntutan bagi Elaun Pelaburan Semula Khas ini adalah 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dan dibenarkan dimana ianya ditolak daripada 70 peratus pendapatan berkanun untuk tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018.

Secara kesimpulannya, Kerajaan terus komited dalam memastikan pengaliran masuk pelaburan ke dalam negara sentiasa rancak dengan menggalakkan persekitaran pelaburan dan peniagaan yang sentiasa mesra pelabur serta akan terus berusaha pada masa-masa akan datang untuk mengekalkan momentum pelaburan yang positif ini.